

07 JUL 2003

Buku-Mahathir (Embargo/07/2100)

BUKU BOSNIA MENGENAI DR MAHATHIR MENYINGKAP CERITA KEJAYAANNYA

Oleh: Nurul Isnaini Muslim

KUALA LUMPUR, 7 Julai (Bernama) -- Jarak yang jauh bukannya halangan untuk menulis mengenai sesuatu perkara yang dekat di hati, dan itulah yang sebenarnya dilakukan oleh Duta Besar Bosnia dan Herzegovina ke Malaysia, Hajrudin Somun.

Walaupun ditulis dalam bahasa Bosnia, buku setebal 180-muka surat itu membuktikan hubungan yang dipupuk oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan bekas wilayah-wilayah Yugoslavia itu.

"Sebagai rakyat Bosnia, saya kerana buku ini merupakan sumbangan saya dalam memperkukuhkan persahabatan antara kedua-dua negara," kata Somun kepada Bernama di sini.

Katanya beliau sentiasa kagum dengan Dr Mahathir sejak menghadiri ceramahnya di Universiti Sarajevo tiga tahun lepas.

"Sejak itu, saya mula mengikuti pandangan, idea dan sifat kenegarawanannya," kata Somun, seorang bekas wartawan.

Berjudul "Mahathir: Secret of the Malaysian Miracle" (Mahathir: Rahsia Keajiban Malaysia), buku itu mengkaji kepimpinan Dr Mahathir selama 22 tahun dan cara beliau mengendalikan acara-acara besar dan krisis semasa tempoh kempimpinannya itu.

Acara itu termasuk juga Krisis Ekonomi Asia dan Perang Bosnia.

Somun juga berkata beliau mahu memaparkan kemajuan Malaysia -- daripada sebuah tanah jajahan British kepada antara negara terkaya di Asia -- kebanyakan besarnya hasil usaha Dr Mahathir.

"Sumbangan Dr Mahtahir tertumpu dalam dua bidang iaitu ekonomi dan ideologi, khususnya isu-isu Islam," katanya.

Somun, 65, menggunakan pelbagai sumber dalam penulisan buku itu seperti laporan berita, buku tulisan Dr Mahathir dan perakuan dari kaum keluarga dan sahabatnya termasuk bekas menteri kewangan, Tun Daim Zainuddin.

Buku itu juga mengandungi 15 keping gambar mengenai beberapa peristiwa menarik yang dilalui dan mengenai peribadi Dr Mahathir.

"Saya juga ingin menampilkan kehidupan peribadinya...buku-buku lain tidak menunjukkan komitmen beliau (Dr Mahthir) terhadap keluarganya," kata Somun.

Satu daripada gambar menunjukkan pemimpin berusia 78 tahun itu menziarahi kubur ayahnya, Mohamad Iskandar.

Somun juga menyelitkan gambar detik-detik Dr Mahthir mengumumkan hasrat meletakkan jawatannya pada Perhimpunan Agung Umno 2002 dalam bukunya.

Somun berkata menulis buku itu "tidak mudah" berdasarkan kedudukannya sebagai Duta Besar yang bertugas di Malaysia.

"Mungkin adalah sejarah diplomatik bahawa seorang Duta Besar di sebuah negara menulis buku tentang pemimpin negara itu. Saya perlu menyiasat hal itu," katanya sambil tersenyum.

Walaupun berada dalam kedudukan yang berbeza, Somun berasa yakin bahawa beliau telah memberi Dr Mahathir layanan yang adil dan tepat dalam bukunya.

Buku itu dilancarkan minggu lepas di Sarajevo dan usaha sedang dilakukan oleh anak perempuannya, Lejla, untuk menterjemahkannya ke dalam bahasa Inggeris.

Somun menjangka versi Inggeris buku itu akan berada di pasaran Malaysia pada September tahun ini sebelum Dr Mahathir melepaskan jawatannya sebulan kemudian.

-- BERNAMA

NIM AHH DC MAI

